Kosmo 28/9/2023 m/s 17

209 kenderaan henti di garisan putih disaman di Kuala Lumpur

ANGGOTA polis trafik melaksanakan operasi lalu lintas di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur kelmarin.

KUALA LUMPUR – Polis mengeluarkan sebanyak 209 saman ke atas kenderaan yang berhenti di garisan putih menerusi Ops Hormat Undang-Undang Jalan Raya Polis Kuala Lumpur (HUU) Fasa 2 kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Sarifudin Mohd. Salleh berkata, secara keseluruhannya, sebanyak 6,638 saman dikeluarkan pihaknya dalam tempoh 24 jam kelmarin.

Menurut beliau, kesalahan tertinggi yang direkodkan JSPT adalah halangan lalu lintas iaitu sebanyak 5,446 saman.

"Kesalahan lain yang direkodkan adalah 95 saman kerana tidak memiliki lesen memandu, tidak mematuhi lampu isyarat merah (51), nombor plat *fancy* (30) dan lain-lain (807).

"Seramai 11 individu turut ditahan atas pelbagai kesalahan termasuk penyalahgunaan dadah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Sarifudin memberitahu, operasi yang dijalankan di sekitar ibu negara sejak Sabtu lalu itu melibatkan kekuatan seramai 798 pegawai dan anggota.

Mana-mana individu yang disaman sepanjang operasi yang berlangsung sehingga 29 September ini tidak layak untuk mendapat tawaran pengurangan atau diskaun.